



**PEJABAT KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN
ARAS G, BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH.**

Telefon/Faks :
Pegawai Kewangan Negeri - 05-2423311
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri - 05-2424243
- 05-2538989 (F)
Bendahari Negeri - 05-2536646
- 05-2416646 (F)
Talian Utama - 05-2095000
Website : <http://kewangan.perak.gov.my/>

PKN.PK.D.R 100/1 (BY) (32)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : 5 Syaaban 1440H
 11 April 2019
Tarikh :

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Negeri Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI iSPEKS MODUL PEROLEHAN – PENYAHAKTIFAN PENGGUNAAN
NOTA DEBIT**

Dengan hormatnya saya di arah untuk merujuk perkara di atas dan surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bil. JANM.BKP.600-13/2/1 (20) bertarikh 9 April 2019 berhubung perkara di atas.

2. Untuk makluman, JANM telah melakukan sekatan ke atas Penggunaan Nota Debit pada skrin Arahan Bayaran di Modul Perolehan (PROC) di iSPEKS mulai 19 Mac 2019 di mana ianya tidak lagi dibenarkan untuk dibuat. Sekatan ini dibuat adalah kerana mengambilkira tiada pengesahan mahupun kelulusan diperingkat Bendahari selepas tambahan barang/perkhidmatan tersebut dibuat.

3. Sehubungan dengan itu, bagi Pesanan Tempatan/Inden Kerja yang telah dikeluarkan tetapi belum lagi menerima bekalan/perkhidmatan/kerja belum siap dilakukan, pihak PTJ perlu mengeluarkan Pesanan Tempatan/Inden Kerja yang baharu sekiranya terdapat pertambahan bekalan/perkhidmatan/kerja **sebelum atau pada ianya** diterima. Pihak PTJ juga diingatkan supaya mematuhi peraturan-peraturan bagi kaedah perolehan yang sedang berkuatkuasa.

4. Bagi PTJ yang telah menerima **Nota Debit** dan sedang dalam proses pembayaran, bayaran hendaklah di buat **melalui Modul Akaun Belum Bayar (ABB) sehingga atau pada 19 April 2019 (Jumaat)** sahaja. Pihak PTJ perlu memastikan **nombor dan tarikh Pesanan Tempatan/Inden Kerja dicatatkan di Senarai Semak.**

Kerjasama pihak tuan/puan amatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(**NOOR HAFIDZAH BINTI HASSAN**)
Timbalan Bendahari
b.p.Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan

s. k . KPPKN(Bajet)

“INOVASI NADI KESIAGAAN TRANSFORMASI”